

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**  
**TARIKH : 10.6.2014**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Madius Tangau [ Tuaran ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar Kerajaan dalam pemberian lesen Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Adakah soal pengangguran diambil kira dalam pemberian lesen IPTS.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 24, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) menyatakan bahawa sesebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) hendaklah didaftarkan. Permohonan bagi pendaftaran hendaklah dibuat kepada Ketua Pendaftar:

- (i) Dalam masa tiga (3) tahun dari tarikh kelulusan bagi penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta yang diberikan;
- (ii) Dalam borang yang ditetapkan dan mengikut cara yang ditetapkan;
- (iii) Disertai *fee* yang ditetapkan; dan
- (iv) Bersekali dengan struktur *fee* yang menyeluruh yang hendak dikenakan ke atas pelajar mengenai setiap kursus pengajian

KPM memandang serius akan isu pengangguran, keboleh pasaran graduan, keseimbangan dari segi penawaran dan permintaan terhadap graduan serta keperluan guna tenaga negara dalam sesuatu bidang pendidikan. Atas dasar tersebut, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan moratorium (pembekuan) bagi penawaran kursus-kursus pengajian yang melibatkan Sains Perubatan, Pergigian, Kejururawatan dan Undang-undang bagi suatu tempoh untuk memastikan keperluan penawaran dan kehendak industri serta keboleh pasaran graduan adalah seimbang. Selain itu, KPM telah melaksanakan moratorium ke atas penubuhan IPTS baharu berstatus universiti, kolej universiti, dan kolej bagi tempoh dua (2) tahun mulai 1 Februari 2013. Pelaksanaan moratorium ini bertujuan memastikan keperluan penawaran dan kehendak industri serta kebolehpasaran graduan adalah seimbang.

Rjm23